

Disahkan oleh:



.....
Mohamad Azrol Mohamad Dali
Timbalan Pengarah
Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
15/12/2020

LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)

GARIS PANDUAN PERMOHONAN LESEN IMPORT

Kategori dan Skop Pelesenan Lesen Import

Lesen ini wajib kepada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti Mengimport Ikan Produk-produk hasilan ikan dari luar negara yang menggunakan Pintu Masuk Sabah/ Sarawak

SENARAI SYARAT-SYARAT AM DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN LESEN IMPORT LKIM

SENARAI SYARAT-SYARAT AM DAN DOKUMEN SOKONGAN

Syarat-Syarat Condition	Dokumen Diperlukan Required Document
1. Pemohon mestilah warganegara Malaysia. Applicant must be Malaysian citizen.	Satu Salinan Kad Pengenalan dan Satu keping gambar (warna) pemohon berukuran kad pengenalan. One copy of Identity Card and one identity card size coloured photograph of the applicant.
2. Syarikat pemohon hendaklah berdaftar dalam Malaysia. Permohonan hendaklah dibuat diatas nama pemilik syarikat atau salah seorang Pengarah Syarikat (bagi Sdn. Bhd.) Company must be registered in Malaysia. The application must be made by the owner's name or one of the directors. (for Private Limited Co.)	Salinan Daftar Perniagaan (Borang B dan D) yang masih sah bagi Syarikat Perseorangan dan Perkongsian atau Satu salinan Memorandum And Articles of Association bersama dengan Borang 24 dan Borang 49 bagi Syarikat Sdn. Bhd. atau Awam. One copy of valid business registration certificate (Form B and D) for Sole Proprietorship and Partnership Company or one copy of the Memorandum & Articles Of Association together with Form 24 and Form 49 for Private Limited Co. and Public Co.
3. Mempunyai modal kewangan yang mencukupi untuk menjalankan perniagaan (Sila rujuk syarat modal seperti di Jadual 1) Adequate financial capital to operate the business (Please refer to the Conditions On Capital as in Appendix 1)	Salinan Penyata Bank untuk 3 bulan terakhir. -*Salinan surat kemudahan pinjaman overdraf atau simpanan tetap/sijil saham (Jika berkaitan) One copy of Bank Statement for the last 3 months. -*One copy of overdraft loan facilities or fixed deposits/share certificate (If necessary)
4. Mempunyai kemudahan perniagaan yang bersesuaian dengan lesen yang dipohon seperti bilik sejuk / gerai / kolam / tempat ternakan / pengangkutan / bangunan / kilang memproses dan lain-lain. (Sila rujuk syarat kemudahan seperti di Jadual 2) Licence application must be relevant with the business facilities such as cold room,shop lot,pond,aqua farm, transportation, building,processing plant and others (Please refer to the Conditions on Facilities as in Appendix 2) .	Satu salinan perjanjian jual beli / perjanjian sewa / nota hantaran / kad pendaftaran / salinan pelan binaan / geran tanah / permit ternakan dari Jabatan Perikanan. One copy of sales and purchase agreement/tenancy agreement/delivery order note/registration certificate/building plan/land ownership certificate/aquaculture permit issued by DOF.
5. Permohonan lesen Borong Premis Persendirian(PP) Licence application of Wholesale Outside Wholesale Market	Bilik Sejuk atau Premis Borong Coldroom or Wholesale Premises

Syarat-Syarat Condition	Dokumen Diperlukan Required Document
6. Permohonan untuk lesen Runcit Dalam Kompleks Licence application of Retail in complex	Sebarang kemudahan perniagaan yang bersesuaian & surat sokongan dari Persatuan Nelayan atau Kompleks LKIM yang terlibat. Any fish trading facilities

**JADUAL 1/APPENDIX 1 SENARAI SYARAT-SYARAT
MODAL DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN
UNTUK PERMOHONAN LESEN IMPORT LKIM**

JADUAL 1/APPENDIX 1

Jenis Syarikat Type of Company	Keperluan Syarat Modal Minimum Capital Required
1. Permohonan dari Perseorangan / Syarikat Persendirian Application by Individual / Sole Proprietorship	RM 3,000.00 RM 3,000.00
2. Permohonan dari Syarikat Perkongsian Applications by Partnership Companies	RM 5,000.00 RM 5,000.00

Jenis Syarikat Type of Company	Keperluan Syarat Modal Minimum Capital Required
3. Permohonan dari Syarikat Sdn Bhd atau Awam Application by Private or Public Limited or Public Companies.	RM 30,000.00 RM 30,000.00
4. Permohonan dari Koperasi atau Persatuan Application by Cooperatives or Associations.	RM 10,000.00 RM 10,000.00
5. Permohonan lesen Runcit (DK) Application for Retail licence	Tidak Perlu Not Necessary
6. Permohonan dari Badan Berkanun atau Jabatan Kerajaan Application by Statutory Bodies or Government Department	Tidak perlu Not required

JADUAL 2 SENARAI SYARAT-SYARAT KEMUDAHAN DAN DOKUMEN SOKONGAN YANG DIPERLUKAN UNTUK PERMOHONAN LESEN IMPORT LKIM

JADUAL 2

Jenis Pemohon Type of Applications	Kemudahan Diperlukan Trading Facility Required
1. Permohonan lesen import kategori ikan basah Import licence application for fresh fish category	Kotak Insulasi yang diluluskan oleh LKIM dan Premis Borong Insulation box and Wholesale Premises

Jenis Pemohon Type of Applications	Kemudahan Diperlukan Trading Facility Required
2. Permohonan lesen import kategori ikan sejuk beku Import licence application for frozen fish	Bilik Sejuk dan Premis Borong Coldroom and Wholesale Premises
3. Permohonan lesen import kategori ikan proses Import license application for processed fish	Stor / gudang / kilang memproses / kedai Store / warehouse / factory / shop
4. Permohonan lesen import kategori ikan hidup Import licence application for live fish	Kolam / kedai akuarium / hatchery / sangkar ternakan ikan Pond / aquarium shop / hatchery / aqua farm
5. Permohonan lesen Borong di pasar borong Licence application of Wholesale in wholesale market	Lot atau gerai pasar borong Wholesale lot or stall
6. Permohonan lesen borong di premis persendirian(PP) Licence application of wholesale in private premise	Bilik sejuk atau premis borong Coldroom or wholesale premises

***Pemohon hendaklah menghantar dokumen sokongan ini ke ibu pejabat yang berdekatan dalam masa 3 hari selepas permohonan di buat.**
Semua dokumen fotocopy perlu disahkan kesahihannya dengan cop 'salinan disahkan benar' dan tandatangan.

KADAR BAYARAN LESEN SETAHUN

SENARAI LESEN DAN BAYARAN

Bil	Jenis Lesen	Bayaran Lesen Setahun
1.	Borong	RM 100
2.	Borong (Premis Persendirian)	RM 100
3.	Eksport	RM 200

Bil	Jenis Lesen	Bayaran Lesen Setahun
4.	Import	RM 200
5.	Runcit DK	RM 50

KADAR BAYARAN PINDAAN KE ATAS LESEN

SENARAI PINDAAN DAN BAYARAN

Jenis Pindaan	Jenis Lesen / Kadar Bayaran				
TAMBAH PINTU MASUK	50.00	-	-	-	
TAMBAH KATEGORI IKAN	50.00	-	-	-	
PINDA PINTU MASUK	100.00	-	-	-	
PINDA KATEGORI IKAN	100.00	-	-	-	
LESEN ROSAK	100.00	100.00	100.00	100.00	
PINDA LOT PASAR BORONG	-	-	50.00	-	
BATAL LESEN SEPARA	100.00	100.00	-	-	
TUKAR NAMA SYARIKAT	100.00	100.00	100.00	100.00	
TUKAR NAMA PENGURUS	100.00	100.00	100.00	100.00	
TUKAR ALAMAT	100.00	100.00	100.00	100.00	

** Maksimum setiap pindaan adalah RM100.00 sahaja.

CARA-CARA MEMOHON LESEN IMPORT LKIM

- 1. Anda terlebih dahulu perlu mendaftar sebagai pengguna dengan menekan butang Daftar untuk mendapatkan skrin pendaftaran.**
- 2. Isikan maklumat No. MyKad dan Kata Laluan (tidak kurang dari 8 huruf dan/atau nombor). No. MyKad dan Kata Laluan perlu disimpan untuk kegunaan di lain kali.**
- 3. Apabila pendaftaran selesai, anda dikehendaki menekan butang login untuk mendapatkan borang permohonan lesen secara elektronik (e-form).**
- 4. Cara-cara Mengisi Borang (elektronik) Permohonan Lesen:-**
 - i) Pilih jenis lesen atau lesen-lesen yang ingin dipohon. Sekiranya anda memilih import/eksport, sistem akan bertanya adakah anda atau syarikat anda merupakan agen penghantaran atau agen pengangkutan. Anda diwajibkan untuk menjawab Ya/Tidak.**
 - ii) Anda dikehendaki mengisi maklumat-maklumat peribadi pemohon seperti Nama, Alamat, No Telefon dan lain-lain (Ruangan yang ditanda * adalah wajib diisi).**
 - ii) Anda juga perlu mengisi maklumat-maklumat untuk syarikat, alamat syarikat, no pendaftaran syarikat, dan lain-lain.**
 - iv) Bagi pemohon Lesen Borong, anda dikehendaki mengisi maklumat pekerja.**

v) Bagi permohonan Lesen Import/Eksport anda dikehendaki mengisi maklumat kendalian ikan seperti kategori ikan atau jenis ikan yang ingin diimport serta pintu masuk yang akan digunakan dan lain-lain.

vi) Kemudian anda dikehendaki mengisi maklumat kemudahan perniagaan yang dimiliki samada Bilik Sejuk, Gerai/ Lot Pasar Borong, pengangkutan, kolam dan lain-lain. Setiap kemudahan perniagaan anda dikehendaki menyatakan jenis dokumen sokongan yang ada sebagai bukti pemilikan kemudahan tersebut.

vii) Seterusnya anda dikehendaki membuat pengakuan bersumpah bahawa segala maklumat yang diberikan itu adalah benar dengan menekan butang YA dan akhirnya anda dikehendaki menekan butang Hantar Permohonan untuk menghantar permohonan secara online ke Pejabat LKIM Negeri yang berhampiran dengan pejabat anda.

5. Selepas permohonan dihantar anda dikehendaki menghubungi pegawai yang memproses permohonan lesen melalui telefon dalam tempoh tidak lebih dari 3 hari. Nama pegawai dan nombor telefonnya akan dipaparkan oleh sistem selepas anda menekan butang hantar permohonan.

6. Anda dikehendaki menyediakan Dokumen-dokumen yang diperlukan sebagaimana yang dinyatakan oleh sistem, untuk diserahkan kepada Pegawai yang memproses lesen di tempat anda.

7. Anda juga perlu membuat bayaran lesen bagi membolehkan permohonan lesen anda diproses. Bayaran boleh dibuat secara tunai atau cek atau melalui bank. Sekiranya bayaran dibuat melalui bank, Sila rujuk nombor akaun bank LKIM bagi negeri tertentu. (Sebarang tuntutan balik wang, perlu disertakan dengan resit rasmi LKIM).

CARA MEMBUAT BAYARAN PERMOHONAN LESEN

Pemohon boleh membuat bayaran ke atas lesen yang dipohon dengan salah satu cara berikut:

- 1. TUNAI
- 2. CEK
- 3. DRAF BANK
- 4. BAYARAN ATAS TALIAN

Bayaran hanya boleh dilakukan setelah dokumen lengkap telah dihantar ke LKIM dan pemeriksaan premis telah dilakukan.

Pemohon perlu mempunyai akaun CIMB untuk membuat pembayaran secara `online`.